Pendakwa Raya lwn Norazman bin Mohamad dan satu lagi kes

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45B-36–08 TAHUN 2014 DAN 45–24–12 TAHUN 2014
MOHD YAZID H
8 APRIL 2015

Undang-Undang Jenayah — Pembelaan — Tak sempurna akal — Tertuduh dipertuduh dengan satu tuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan dua tuduhan cubaan membunuh di bawah s 307 Kanun yang sama — Sama ada tertuduh telah melakukan kesalahan-kesalahan yang dipertuduh — Sama ada pembelaan hilang akal di bawah s 84 Kanun dibuktikan — Kanun Keseksaan ss 84, 302 & 307 — Kanun Tatacara Jenayah s 348(2)

Tertuduh telah dipertuduh dengan satu tuduhan membunuh Zulaika bt Norazman ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'); dan dua tuduhan cubaan membunuh iaitu ke atas Maryam bt Norazman ('SP2') dan Liyana bt Norazman ('SP3') di bawah s 307 Kanun. Kesemua mangsa dalam kes ini adalah anak kepada tertuduh. Pihak pendakwaan berhujah bahawa tertuduh telah mencederakan SP2, SP3 dan si mati di bahagian leher dan menyebabkan kematian si mati. Kes pendakwaan disokong dengan keterangan saksi-saksi Khadijah bt Norazman ('SP1'), SP2, SP3 dan pegawai-pegawai polis yang terlibat dalam kes ini iaitu SP4, SP5 dan SP6. Tertuduh dalam pembelaannya berhujah bahawa dia telah hilang akal semasa melakukan kesalahan-kesalahan tersebut, oleh itu, dia termasuk dalam kategori di bawah s 84 Kanun. Hujahan tertuduh tersebut disokong oleh keterangan Dato' Suarn Singh, Pakar Perunding Psikologi Hospital Bahagia Ulu Kinta.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada semua tuduhan:

(1) Berdasarkan keterangan-keterangan, mahkamah memutuskan bahawa tertuduh telah melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian kepada si mati dan juga telah dengan sengaja cuba membunuh SP2 dan SP3. Walau bagaimanapun, semasa tertuduh melakukan perbuatan-perbuatan tersebut, tertuduh tidak waras dan tidak mengetahui perbuatannya itu adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang. Tertuduh dengan itu telah berjaya membangkitkan pembelaan hilang akal di bawah s 84 Kanun. Atas perkenan DYMM Sultan Selangor, berdasarkan s 348(2) Kanun Tatacara Jenayah tertuduh diletakkan di bawah jagaan Hospital Bahagia Ulu Kinta (lihat perenggan 18–19).

[English summary

The accused was charged for an offence of murdering Zulaika bt Norazman ('the deceased') under s 302 of the Penal Code ('the Code'); and two charges for the attempt murder ie of Maryam bt Norazman ('SP2') and Liyana by Morazman ('SP3') under s 307 of the Code. All the victims in this case were the children of the accused. The prosecution submitted that the accused had hurt SP2, SP3 and the deceased in the neck and had caused the death of the deceased. The prosecution case supported with the testimonies of the witnesses Khadijah bt Norazman ('SP1'), SP2, SP3 and the police officers involved in this case ie SP4, SP5 and SP6. The accused in his defence submitted that he had lost his mind whilst committing the said offences, therefore, he was under the category under s 84 of the Code. The accused's submission was supported by the evidence of Dato' Suarn Singh, the psychologist consultant expert in Hospital Bahagia Ulu Kinta.

Held, acquitting and discharging the accused from all charges:

(1) Based on the evidence, the court decided that the accused had committed the act which caused the death of the deceased and also had with intent attempted to kill SP2 and SP3. However, whilst the accused committed the said acts, the accused was not sane and did not understand his actions was wrong and contravened the law. The accused therefore had succeeded in raising a defence of insanity under s 84 of the Code. By virtue of the assent of the DYMM Sultan Selangor, based on s 348(2) of the Criminal Procedure Code the accused was placed under the care of Hospital Bahagia Ulu Kinta (see paras 18–19).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai tak sempurna akal, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 1105.

Kes-kes yang dirujuk

Arumugam a/l Mothiyah v PP [1994] MLJU 175; [1995] 1 CLJ 58, MT (dirujuk)

Kee Lik Tian v PP [1984] 1 MLJ 306 (dirujuk)

Md Masud Rana Md Mofizudin lwn Pendakwa Raya [2011] 1 MLJ 538; [2010] MLRA 51, MR (dirujuk)

Pendakwa Raya v Gurdial Singh a/l Pretum Singh & Ors [2002] MLJU 429; [2003] 1 CLJ 37, MT (dirujuk)

PP v Mya Than [2011] MLJU 339; [2011] 4 MLRH 530, MT (dirujuk)

Sidek bin Ludan v PP [1995] 3 MLJ 178, MT (dirujuk)

Yusaini bin Mat Adam v PP [1999] 3 MLJ 582, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 84, 84A, 342
Kanun Tatacara Jenayah s 348(2)

Wan Zuraida bt Wan Nawan (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa raya.
Hasnan Hamzah (Farid Afwan Tarmizi bersamanya) (Hasnan Hamzah) bagi pihak tertuduh.

Mohd Yazid H:

[1] Tertuduh menghadapi tiga pertuduhan yang dibaca sebagaimana berikut

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 30.01.2014 jam lebih kurang 4.00 petang, bertempat di dalam rumah beralamat No 21, jalan 4/9G, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di dalam daerah Kuala Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah melakukan bunuh dengan menyebabkan kematian terhadap Zulaika binti Norazman (No KP: 070127-10-1604) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 30.01.2014 jam lebih kurang 4.00 petang, bertempat di dalam rumah beralamat No 21, jalan 4/9G, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di dalam daerah Kuala Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan sengaja cuba membunuh Maryam binti Norazman (No KP: 041103-10-1236) sehingga menyebabkan kecederaan, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 307 kanun Keseksaan.

Pertuduhan ketiga

Bahawa kamu pada 30.01.2014 jam lebih kurang 4.00 petang, bertempat di dalam rumah beralamat No 21, Jalan 4/9G, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi, di dalam daerah Kuala Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan sengaja cuba membunuh Liyana binti Norazman (no KP: BB21350) sehingga menyebabkan kecederaan, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 307 kanun Keseksaan'.

[2] Saksi pertama pihak pendakwaan adalah Khadijah bt Norazman, iaitu anak kepada tertuduh dan juga kakak kepada si mati. SP1 menyatakan pada 30 Januari 2014 jam lebih kurang 4 petang, beliau bersama adiknya Maryam bt Norazman balik dari sekolah agama dan sampai di rumah. Selepas meletak beg sekolahnya di ruang tamu, SP1 terus naik ke biliknya di tingkat dua. Pada masa itu Maryam berada di sofa di tingkat bawah. Ayahnya, OKT pada masa itu juga berada di tingkat bawah. Sejurus kemudian SP1 mendengar suara jeritan daripada tingkat bawah. SP1 turun ke tingkat bawah dan pergi ke ruang tamu di mana beliau melihat adiknya Liyana berada di ruang tamu dan nampak

OKT berada di ruang makan bersama dengan Maryam. Tiba-tiba OKT datang ke ruang tamu di tempat Liyana berada dan di tangan OKT pada masa itu adanya senjata parang. SP1 terus berlari masuk ke bilik bawah tempat adiknya Zulaika sedang tidur dan mengunci pintu. SP1 ada dengar suara Mayram menjerit. Dari bilik bawah SP1 kemudian lari menyembunyikan dirinya di bilik tingkat atas. Abang SP1 turut sama menyembunyikan diri bersama SP1 di bilik atas. Mereka kemudiannya menghubungi 999 untuk mendapatkan bantuan. Selepas mengetahui OKT keluar daripada rumah, mereka keluar daripada bilik. SP1 kemudiannya diberitahu oleh abangnya bahawa Zulaika telah meninggal dunia.

[3] SP2, mangsa Maryam bt Norazman adalah saksi kedua pihak pendakwaan. Pada hari kejadian 30 Januari 2014, SP2 berumur sepuluh tahun. Berdasarkan soalan-soalan yang ditanya oleh mahkamah, saya berpuas hati saksi ini layak untuk memberikan keterangan secara bersumpah (rujuk kes *Pendakwa Raya v Gurdial Singh a/l Pretum Singh & Ors* [2002] MLJU 429; [2003] 1 CLJ 37, *Sidek bin Ludan v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 178, *Yusaini bin Mat Adam v Public Prosecutor* [1999] 3 MLJ 582, *Kee Lik Tian v PP* [1984] 1 MLJ 306 dan *Arumugam a/l Mothiyah v PP* [1994] MLJU 175; [1995] 1 CLJ 58). Pada hari kejadian apabila sampai di rumah lebih kurang jam 4 petang, OKT membuka pintu rumah. Pada masa itu yang ada di rumah adalah abangnya, kakak ('SP1') dan adiknya Liyana. Selepas meletakkan beg sekolahnya di ruang tamu, SP2 masuk ke tandas di tingkat bawah. Keluar daripada tandas, SP2 menuju ke singki, nampak ayahnya sedang mengasah pisau dan seterusnya ke ruang tamu untuk membaca buku, berdekatan dengan meja makan. SP2 mengakui beliau telah dicederakan oleh ayahnya, mengakibatkan jari tangannya putus, cedera di bahagian leher. SP2 telah bertindak melarikan diri ke bilik air. OKT menendang pintu bilik air dan menyerang/mencederakan SP2. SP2 keluar dari bilik air apabila polis sampai di tempat kejadian. Ekoran kecederaan-kecederaan tersebut menyebabkan pendarahan yang banyak. SP2 mengesahkan senjata yang digunakan oleh OKT menyerang/mencederakan SP2 adalah senjata parang.

[4] Liyana bt Norazman adalah saksi ketiga pihak pendakwaan. Pada masa kejadian beliau berumur 12 tahun. Balik dari sekolah, SP3 telah tidur di ruang tamu rumahnya. Salahudin (abang), kakaknya ('SP1'), adiknya ('SP2') dan Zulaika ada di rumah pada masa itu. Apabila sedar daripada tidur, SP3 mendapati dirinya mengalami kecederaan di bahagian jari (putus dan tidak boleh disambung) dan juga di bahagian leher. SP3 tidak tahu bagaimana kecederaan tersebut dilakukan. SP3 juga mengatakan dia tidak tahu siapa yang menyebabkan kecederaan keatasnya tetapi SP3 mengesahkan pada masa kejadian tersebut, tidak ada orang lain di dalam rumah tersebut kecuali keluarga SP3 termasuk OKT. SP3 menyatakan beliau nampak OKT berada dekat dengannya dan SP3 pada masa itu merasa takut yang amat sangat. SP3

kemudiannya bertindak dengan melarikan diri ke rumah jiran. Jirannya telah membawa SP3 ke hospital untuk mendapatkan rawatan. SP3 mengakui kecederaan-kecederaan yang dialami olehnya agak teruk.

[5] Saksi pendakwaan keempat adalah Insp Mohd Amrul Yazid bin Anuar. Pada 30 Januari 2014 jam 4.30 petang, bertindak atas maklumat dari bilik gerakan IPD Kajang, SP4 bersama sepasukan polis telah pergi ke tempat kejadian. Setibanya di tempat kejadian, SP4 dan anggotanya telah membuat pemeriksaan secara rambang di tempat kejadian dan kawasan yang berhampiran. Lebih kurang 50 meter dari tempat kejadian, di kawasan semak yang berhampiran dengan longkang, SP4 dan anggotanya telah ternampak OKT dalam keadaan berbaring berlumuran darah dengan memakai baju-T warna hijau berseluar slack warna biru dan tidak berkasut. OKT mengalami kecederaan di bahagian kepala semasa ditangkap. SP4 juga merampas sebilah parang yang berada di tempat OKT berbaring dan adanya kesan darah pada pisau tersebut.

[6] Koperal Mohd Ferdaus bin Othman ('SP5') dalam keterangannya menyatakan pada 30 Januari 2014 lebih kurang jam 4 petang beliau telah menerima maklumat pertama dari SP1 yang mengatakan ada kes pergaduhan di rumahnya. Berdasarkan maklumat tersebut SP5 telah memaklumkan kepada anggota kereta peronda. Anggota kereta peronda kemudian mengesahkan kejadian tersebut dimana SP5 seterusnya menghubungi ambulan Kajang dan membuat laporan polis.

[7] Insp Suresh a/l Subramaniam merupakan pegawai penyiasat di dalam kes ini. Pada 30 Januari 2014, setelah menerima maklumat tentang kejadian tersebut, SP6 terus bergegas ke tempat kejadian bersama dengan anggota detektif dan jurufoto. Di lokasi kejadian, SP1, SP6 bersama dengan anggota forensik telah memasuki rumah tempat kejadian dan mendapati banyak kesan tompokan darah di ruang tamu, dalam tandas, pintu belakang rumah. Di bilik di ruang tamu, dijumpai mayat Zulaika yang mengalami kecederaan di bahagian leher, dimana terdapatnya kesan potong pada leher tersebut. Hasil siasatan mendapati dua mangsa kanak-kanak telah mengalami cedera parah telahpun dihantar ke hospital. OKT yang ditangkap di kawasan belakang rumah juga telah dibawa ke hospital kerana OKT juga mengalami kecederaan di kepalanya.

[8] Mayat Zulaika telah dibawa ke Hospital Serdang. *Post-mortem* telah dijalankan oleh pakar patologi iaitu Dr Mohamad Azaini bin Ibrahim. Mayat telah dicamkan oleh ibu dan abang mangsa. Laporan *post-mortem* mengesahkan si mati telah mengalami kecederaan-kecederaan berikut iaitu:

(i) An incised wound 6 x 4.5 cm on the left side of the neck, cutting the left anterior and lateral neck muscle. The left carotid artery and the left jugular

vein were severed, the cuts end being visible within the wound. The body of the 6th cervical vertebra was palpable at the base of the wound.

(ii) An intradermal bruise of 3 cm length above the upper lateral edge of the wound in 1.

(iii) A bruise 1 x 1 cm slightly left of the midline on the chin.

Hasil *post-mortem* menyatakan punca kematian adalah akibat kecederaan yang dialami di bahagian leher yang disebabkan satu benda yang tajam dan juga akibat jerutan.

[9] Parang yang dijumpai telah dihantar ke jabatan kimia untuk analisa. Laporan kimia mengesahkan:

(v) a common male DNA profile was developed from trace/contact swabs taken of handle of knife '7' and parang '14' which matched with that of blood specimen C1 (labeled Norazman bin Mohamad) thus indicating that the DNA identified originated from the same source. The random match probability as in para (i).

[10] Di akhir kes pendakwaan, pihak TPR menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT sebagaimana pertuduhan. Peguam OKT telah bersetuju dengan hujahan TPR.

[11] Setelah menimbang segala keterangan yang dikemukakan, yang tidak dicabar oleh pihak pembelaan, secara keseluruhannya saya berpuas hati bahawa keterangan-keterangan tersebut menjurus kepada satu kesimpulan (*only one irresistible conclusion*) bahawa OKT adalah orang yang telah melakukan kecederaan-kecederaan tersebut dengan sengaja cuba membunuh Maryam dan Liyana. Saya juga mendapati OKT telah melakukan kecederaan-kecederaan ke atas Zulaika dengan niat untuk menyebabkan kecederaan yang mana OKT tahu kemungkinan menyebabkan kematian atau mencukupi dalam keadaan biasanya menyebabkan kematian. Ekoran daripada tindakan OKT yang memotong leher Zulaika, mahkamah boleh membuat inferens tentang niat OKT untuk membunuh Zulaika.

[12] Di akhir kes pendakwaan, saya mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT sebagaimana pertuduhan.

[13] Pihak pembelaan hanya memanggil Dato' Suarn Singh, Pakar Perunding Psikologi Hospital Bahagia Ulu Kinta sebagai saksi pembelaan. SD1 dalam keterangannya menyatakan OKT telah dirujuk ke Hospital Bahagia Ulu Kinta untuk rawatan penyakit mental selama dua kali iaitu pada 27 Februari 2014 hingga 24 Mac 2014 dan dari 8 Disember 2014 sehingga 19 Disember

2014. SD1 merumuskan hasil pemerhatiannya ke atas OKT sebagaimana berikut:

> Pemeriksaan saya menunjukkan beliau mula-mula berubah tingkah laku lebih kurang 7-8 bulan sebelum kejadian tetapi beliau tidak menerima apa-apa rawatan. Ciri-ciri penyakit beliau bermula sejak bulan Jun 2013 dimana beliau didapati tidak tidur malam, sering marah-marah kepada anak-anak dan isteri beliau, telah hilang minat terhadap sebarang kerja dan rasa tidak berguna, hilang selera makan dan juga berat badan beliau badan telah menurun dan suka menyendiri. Ini adalah ciri-ciri penyakit kemurungan.
>
> Pada kemasukan pertama, saya mendapati beliau bercakap amat perlahan, murung, menangis, tidak dapat jawab dan pada kemasukan pertama juga beliau ada cedera kepala dan keadaan beliau amat tidak memuaskan dan dengan rawatan, beliau telah pulih.
>
> Saya berpendapat penyakit dia telah bermula lebih kurang 7–8 bulan sebelum kejadian dan semakin merosot dan telah berubah tingkah laku dia dari segi sebelum beliau menghidap penyakit kemurungan ini, beliau merupakan bapa yang penyayang dan suka berbuat lawak dengan keluarga beliau dan ini telah berubah dan penyakit telah menjadi lebih teruk pada bulan Januari 2014, dia murung sampai terjadi kejadian.

[14] Saya mendapati hasil daripada pemeriksaan dan pemerhatian SD1 ke atas OKT, SD1 berpendapat bahawa:

(a) En Norazman bin Mohamad mengidap penyakit mental kemurungan (*major depressive disorder*); dan

(b) saya berpendapat semasa melakukan perbuatan yang dituduh, beliau di dalam mental yang tidak waras dan tidak sedar akan akibat daripada perbuatannya ialah salah dari segi undang-undang.

[15] Berdasarkan keterangan SD1, peguam bela OKT menghujahkan bahawa OKT semasa melakukan kejadian tersebut adalah termasuk di dalam katogeri di bawah peruntukan s 84A Kanun Keseksaan. Ini adalah disokong oleh prosedur di bawah Kanun Acara Jenayah dimana OKT telah di bawa pada pemerhatian pakar SD1 di bawah s 342 dan juga laporan perubatan ke atas OKT yang ditanda sebagai D16. Peguambela OKT menghujahkan bahawa *mind capacity* OKT adalah *unsound mind* dimana beliau tidak boleh, seperti yang dinyatakan oleh pakar bahawa:

> beliau dalam keadaan mental yang tidak waras, dan tidak sedar akan akibat daripada perbuatannya ialah salah dari segi undang-undang.

[16] Peguambela OKT telah merujuk mahkamah kepada kes *Public Prosecutor v Mya Than* [2011] MLJU 339; [2011] 4 MLRH 530 (kes Mahkamah Tinggi Shah Alam, keputusan oleh Datuk Abdul Alim Abdullah),

dan kes *Md Masud Rana Md Mofizudin lwn Pendakwa Raya* [2011] 1 MLJ 538; [2010] MLRA 51, kes Mahkamah Rayuan, dimana kes-kes ini menyusur-galurkan prosedur yang perlu diambil di dalam keadaan di mana melibatkan pembelaan yang sama.

[17] TPR di dalam hujahan balasnya menghujahkan mahkamah juga akan mengambil kira keterangan oleh SB1 iaitu Dato' Suarn Singh a/l Jasmit Singh.

[18] Pada asasnya, pembelaan OKT ialah bahawa beliau telah hilang akal semasa beliau melakukan perbuatan-perbuatan tersebut. Saya mendapati OKT telah berjaya menimbulkan pembelaan hilang akal di bawah s 84 Kanun Keseksaan. Pada hemat saya, pembelaan OKT telah berjaya melaksanakan beban membuktikan bahawa OKT telah hilang akal di bawah s 84 Kanun Keseksaan ketika melakukan kesalahan itu.

[19] Saya memutuskan bahawa OKT telah melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian kepada si mati, Zulaika bt Norazman (sebagaimana pertuduhan pertama). Saya juga memutuskan OKT telah dengan sengaja cuba membunuh Maryam dan Liyana sehingga menyebabkan kedua-duanya mengalami kecederan yang teruk (sebagaimana pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga). Walau bagaimanapun, saya mendapati semasa OKT melakukan perbuatan-perbuatan tersebut, OKT tidak waras dan tidak mengetahui perbuatannya itu adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang. Pihak pembelaan telah berjaya membangkitkan pembelaan di bawah s 84 Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, OKT dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan-pertuduhan tetapi diarahkan diletakkan di bawah jagaan Hospital Bahagia Ulu Kinta atas perkenan DYMM Sultan Selangor sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 348(2) Kanun Tatacara Jenayah (*The accused be confined to Hospital Bahagia Ulu Kinta during the pleasure of HRH The Ruler of Selangor pursuant to s 348(2) of the Criminal Procedure Code*).

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada semua tuduhan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar